

BANK ISLAM SEDIA PEMBIAYAAN MIKRO BANGKIT KEPADA USAHAWAN SISWA DAN BELIA

KUALA LUMPUR, Ahad, [28 Mac 2021]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") kini memperluaskan kemudahan pembiayaan mikro BangKIT kepada segmen usahawan siswa dan belia bagi menggalakkan golongan muda menceburi bidang keusahawanan, selain menyokong kelangsungan dan perkembangan perniagaan yang sedia ada.

Usaha tersebut melibatkan pemeteraian perjanjian usaha sama strategik antara Bank Islam dengan dua Rakan Pelaksana baharu iaitu Universiti Malaysia Kelantan ("UMK") dan Majlis Belia Malaysia ("MBM") baru-baru ini.

Dilancarkan pada 25 November 2020, kemudahan pembiayaan mikro BangKIT memanfaatkan sumbangan atau sedekah yang diterima daripada masyarakat umum atau organisasi melalui Dana Kekal platform pendanaan awam Bank Islam, Sadaqa House, bagi membantu usahawan mikro yang layak. Penerima kemudahan pembiayaan ini akan turut diberi latihan dan bimbingan perniagaan secara praktikal yang dijalankan oleh Rakan Pelaksana bagi memastikan pertumbuhan dan kemampanan perniagaan yang diusahakan.

Menerusi sinergi berimpak tinggi dengan rakan pelaksana lain, BangKIT juga membimbing usahawan mikro yang sebelum ini tidak mendapat perkhidmatan perbankan (*unbankable*) untuk menjadi kumpulan pelanggan yang layak mendapat perkhidmatan perbankan (*bankable*).

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed, berkata, "Bank Islam amat menghargai kesudian UMK dan MBM untuk menjadi Rakan Pelaksana pembiayaan mikro BangKIT bagi segmen usahawan siswa dan belia. Menerusi penyediaan kemudahan ini, Bank Islam bukan sahaja dapat menyediakan sokongan

dana yang diperlukan bagi membantu perniagaan yang dimiliki oleh golongan muda, tetapi memperkasakan pengetahuan dan kemahiran usahawan siswa dan belia terlibat agar dapat mereka berdaya tahan, inovatif dan bersaing dalam persekitaran perniagaan yang mencabar hari ini."

Beliau menambah, "Kami berharap agar usaha ini dapat memberi motivasi dan memperkukuhkan ekonomi kehidupan usahawan siswa dan belia, sekali gus menyumbang kepada peningkatan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan dan perniagaan."

"Sebelum ini, kami telah menyantuni golongan usahawan mikro wanita untuk menawarkan kemudahan BangKIT menerusi jalinan kerjasama dengan beberapa Rakan Pelaksana seperti People Systems Consultancy, MADCAT World dan Noble Management & Consultancy. Kini, perkhidmatan pembiayaan diperluaskan kepada golongan siswa dan belia melalui pemeteraian perjanjian dengan UMK pada Sabtu minggu lalu, diikuti MBM pada hari Khamis yang lalu. Harapan kami agar kemudahan kewangan sosial ini dapat melahirkan usahawan berdaya maju yang dapat menyumbang kepada kemakmuran masyarakat setempat. Kami juga turut bersedia untuk bekerjasama dengan lebih banyak universiti awam dan swasta bagi usaha ini," ujar Mohd Muazzam.

Pembiayaan Mikro BangKIT ditawarkan di bawah kontrak *Qard* (pinjaman tanpa faedah). Ia menyediakan pembiayaan serendah RM500 hingga RM3,000 bagi perniagaan baharu dan RM3,000 sehingga RM20,000 bagi tujuan pengembangan perniagaan. Tempoh bayaran balik pembiayaan adalah di antara enam bulan sehingga tiga tahun.

Bank Islam akan mempergiatkan lagi usaha untuk membantu sektor keusahawanan siswa dan belia dengan bekerjasama Rakan Pelaksana daripada beberapa institusi pengajian tinggi lain pada masa akan datang.



Logo BangKIT

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bankislam.com.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila layari www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

<p>Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com</p>	<p>Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com</p>
--	--